

## **PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJA DI JABATAN KESIHATAN NEGERI TERENGGANU**

Azmi H., Mohd Kamil H. & Abdul Razak K.

### **ABSTRAK**

*Perkhidmatan Kesihatan Pekerja di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu bermula pada tahun 1996, yang mana ianya dimulakan dengan Klinik Kesihatan Pekerja terutamanya di Kemaman. Akan tetapi pada pertengahan Jun tahun 1997, Unit Kesihatan Pekerja telah diwujudkan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Dengan wujudnya unit tersebut maka aktiviti kesihatan pekerja dapat dijalankan secara menyeluruh, di daerah-daerah dan di hospital. Unit ini di terajui oleh Pegawai Kesihatan Pekerja dan dibantu oleh Inspektor Kesihatan Daerah. Walau bagaimana pun selain dari menjalankan aktiviti kesihatan pekerja, unit ini juga dibebani dengan aktiviti lain seperti aktiviti Kesihatan Alam Sekitar dan lain-lain aktiviti berkaitan dengan pengurusan. Walaupun dalam keadaan serba kekurangan dari segi kakitangan, peralatan, kewangan dan masa, ianya terus berkembang. Sehingga kini, kita telah berjaya mewujudkan dua buah klinik kesihatan pekerja, mewujudkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja di setiap pejabat kesihatan dan hospital, mengadakan latihan dan pendidikan kesihatan pekerja kepada kakitangan secara berterusan, membuat pengawasan penyakit/kemalangan dan keracunan kimia/pestisid ke atas pekerja dan mewujudkan perjawatan baru pegawai kesihatan pekerja di Pejabat Kesihatan Kemaman dan Kuala Terengganu dan jururawat Kesihatan Pekerja di Pejabat Kesihatan Kemaman. Selain dari itu, unit ini sedang menuju ke alaf baru dengan melibatkan diri dalam penyelidikan dan penggunaan teknologi maklumat dalam menjalankan aktivitinya.*

### **ABSTRACT**

*Occupational Health Service in Terengganu Health Department started in 1996. It initially started with occupational health clinic activities in Kemaman. On 17<sup>th</sup> Jun 1997 Occupational Health Unit was formed in the State Health Department. The aim was to develop the state occupational health activities in districts and hospitals as a whole. It was headed by a State Health Officer (Occupational Medicine Doctor) and assisted by Health Inspectors. In spite of insufficient staff and heavy work load, we managed to develop two occupational health clinic in the health districts of Kemaman and Kuala Terengganu. Beside the clinic, all Hospitals and District Health Offices in Terengganu had formed safety committee as required by OSHA 1994. Training of the staffs was done to enhance the knowledge and skill in occupational health and safety. Beside medical surveillance on the health worker, epidemiology surveillance were done on occupational disease/accident and pesticide chemical poisoning were. Since then, two posts of occupational health officer in The Health District of Kemaman and Kuala Terengganu and one post of occupational*

*staff nurse in Kemaman Health Office were approved in 1998. Application of information technology in occupational health activities in the state are also being considered.*

## **PENDAHULUAN**

Unit Kesihatan pekerja mula diwujudkan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu pada 16/6/1997 dengan diketuai oleh seorang Pegawai Kesihatan Pekerja. Pada peringkat permulaan unit ini telah bergabung dengan unit Kesihatan Alam Sekitar sebagaimana diarahkan oleh kementerian, dan dipanggil Unit Kesihatan Pekerja dan Alam Sekitar. Oleh kerana pada tahun 1998, di peringkat ibu pejabat Kementerian Kesihatan di mana kedua unit ini beroperasi secara berasingan, maka di peringkat Negeri Terengganu juga terpaksa dipecahkan Unit Kesihatan Pekerja dan Alam Sekitar kepada Unit Kesihatan Pekerjaan Unit Kesihatan Persekitaran secara berasingan. Tetapi Pegawai Kesihatan Pekerja masih lagi menanggung kerja Unit Kesihatan Persekitaran. Walau bagaimana pun perjawatan baru di bawah dasar baru tahun 2000 telah dipohon. Sebelum wujudnya unit ini semua aktiviti kesihatan pekerja telah dikoordinasikan oleh Pegawai Epidemiologi dan dibantu oleh Pegawai Kesihatan Perlabuhan Kemaman yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan dan Kesihatan Persekitaran sepatutnya diadakan mengikut perkhidmatan kesihatan yang ada dan dengan menggunakan pendekatan perjagaan kesihatan primer. Oleh itu pendekatan ini telah digunakan oleh unit ini dalam menjalankan aktiviti yang berkaitan. Unit ini telah diwujudkan dengan diketuai oleh Pegawai Kesihatan Pekerja dan dibantu oleh Inspektor Kesihatan U8 di peringkat daerah. Unit ini terus berkembang dengan meningkatnya aktiviti yang dilakukan dan wujudnya Klinik Kesihatan Pekerja di Klinik Hiliran PKD Terengganu dan Klinik Kesihatan Pekerja di Kemaman. Dalam permohonan perjawatan Dasar baru 1999, pada tahun 1998 dua perjawatan untuk Pegawai Kesihatan pekerja di PKD Terengganu dan PKD Kemaman dan satu penawatan Jururawat Kesihatan Pekerja di PKD Kemaman telah diluluskan.

## **OBJEKTIF**

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Pekerja adalah:

- i. Menjalankan program promosi kesihatan yang khusus mengikut keperluan persekitaran kerja bagi meningkatkan tahap kesihatan pekerja.
- ii. Menyediakan langkah-langkah pencegahan yang berkesan terhadap persekitaran tempat kerja.
- iii. Mengenalpasti dan merawat semua penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan.
- iv. Memberi pendidikan kesihatan dan menanamkan kesedaran kepada pihak majikan dan pekerja mengenai tanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan.
- v. Memastikan persekitaran yang sihat melalui pemantauan berterusan.

**AKTIVITI KESIHATAN PEKERJA DAN KESIHATAN PERSEKITARAN****Aktiviti pengawasan penyakit /kemalangan pekerjaan dan keracunan pestisid/kimia:**

Aktiviti-aktiviti pengawasan penyakit, kemalangan pekerjaan dan keracunan pestisid/kimia sehingga ogos adalah seperti berikut.

**Jadual 1: Aktiviti surveilan penyakit, kemalangan pekerjaan dan keracunan pestisid/kimia**

Aktiviti Surveilan	Bilangan kes dilaporkan		
	1997	1998	1999
Kemalangan di kalangan kakitangan kesihatan	5	9	13
Penyakit Pekerjaan	20	3	1
Keracunan Pestisid	6	17	7
Keracunan Kimia	49	29	33

Dari jadual di atas, menunjukkan terdapat peningkatan kes dilaporkan dalam tahun 1998 berbanding tahun 1997. Kes kemalangan di tempat kerja didapati meningkat dari 5 kes pada tahun 1997 kepada 9 kes pada tahun 1998. Manakala kes keracunan pestisid juga didapati meningkat dari 6 kes pada tahun 1997 kepada 17 kes pada tahun 1998. Sepanjang bulan Januari hingga Jun, kes-kes yang telah dinotifikasikan adalah kemalangan kakitangan 13, penyakit pekerjaan 1, keracunan pestisid 7 dan keracunan kimia 33. Ini menunjukkan sistem notifikasi telah berjalan dengan berkesan pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas.

**Jadual 2: Kemalangan pekerjaan di kalangan kakitangan kesihatan yang dilaporkan**

Jenis Kemalangan pekerjaan	Bilangan kes yang dilaporkan		
	1997	1998	1999
Kecederaan akibat kemalangan jalanraya.	3	3	1
Kecederaan akibat tusukan jarum	1	3	7
Lain-lain	1	3	5

Dalam jadual ini menunjuk kepada kita bahawa kes kemalangan akibat tusukan jarum didapati bilangan yang paling besar.

**Jadual 3: Penyakit pekerjaan yang dilaporkan**

Jenis penyakit pekerjaan	Bilangan kes dilaporkan		
	1997	1998	1999
Penyakit Paru-paru Pekerjaan	1	1	0
Penyakit Kulit Pekerjaan	2	1	1
Penyakit Mata Pekerjaan	17	0	0
Penyakit hilang Pendengaran Akibat Pekerjaan	0	0	0
Penyakit Sadar Akibat Pekerjaan	0	0	0
Penyakit Kanser Pekerjaan	0	0	0
Lain-lain	0	0	0

Walau bagaimanapun kes penyakit pekerjaan didapati menurun, ini mungkin disebabkan terdapat kesukaran kakitangan dalam menentukan diagnosis kes tersebut. Oleh kerana kesihatan pekerja masih lagi didapati baru kepada kakitangan dan kekurangan kakitangan boleh menimbulkan kesulitan kepada pengamal perubatan dalam menotifikasikan penyakit.

**Jadual 4: Kes keracunan pestisid yang dilaporkan**

Jenis kes keracunan pestisid	Bilangan kes yang dilaporkan		
	1997	1998	1999
Keracunan semasa bekerja	1	12	4
Keracunan bukan pekerjaan	6	5	3

Keracunan pestisid akibat pekerjaan didapati meningkat dari 1 kes dalam tahun 1997 kepada 12 kes dalam tahun 1998. Manakala kes keracunan dikalangan bukan pekerja telah menurun dari 6 kes dalam tahun 1997 kepada 5 kes pada tahun 1998. Sepanjang bulan Januari hingga Jun 1999 keracunan semasa bekerja adalah 4 kes.

**Jadual 5: Kes keracunan kimia yang dilaporkan**

Jenis kes keracunan kimia	Bilangan kes yang dilaporkan		
	1997	1998	1999
Keracunan semasa bekerja*	14	5	16
(anggota bomba)			
Keracunan bukan pekerjaan*	35	24	17
(orang awam)			

Nota: Keracunan Gas Sulfur dioksida di Telok Kalung Kemaman.

Keracunan kimia semasa bekerja didapati menurun dari 14 kes pada tahun 1997 kepada 5 kes pada tahun 1998 Walau bagaimanapun kes keracunan kimia di kalangan pekerja didapati meningkat iaitu 16 kes sehingga kini,

#### **Aktiviti promosi/ pendidikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.**

Pendidikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah penting dijalankan supaya pekerja dilatih dalam bidang tersebut. Sebanyak 43 seminar/bengkel telah dianjurkan untuk kakitangan dan pekerja industri pada tahun 1998 berbanding 19 seminar/bengkel dianjurkan pada tahun 1997. Sebanyak 56 ceramah dan 20 ceramah di radio telah disampaikan pada tahun 1998 berbanding sebanyak 58 ceramah dan 6 ceramah di radio pada tahun 1997. Sepanjang Januari hingga Jun 1999, aktiviti promosi dan latihan adalah seminar /bengkel 6 kali, ceramah 25 kali, tayangan video 18 kali dan pameran 20 kali Manakala ceramah di radio sebanyak 6 kali.

**Jadual 6: Pendidikan kesihatan pekerjaan.**

Bentuk Pendidik Kesihatan Pekerjaan	Kekerapan diadakan			Bilangan peserta dari kakitangan kesihatan			Bilangan peserta dari kalangan pekerja industri.		
	1997	1998	1999	1997	1998	1999	1997	1998	1999
Seminar/bengkel/ kurus atau latihan	19	43	6	426	1450	157	-	230	167
Ceramah	58	56	25	660	664	1000	891	24	150
Tayangan Video	3	3	18	200	33	500	-	α	α
Pameran	7	4	20	α	50	α	1700	α	α
Lain-lain: (ceramah di radio)	6	20	6	α	α	α	α	α	α

#### **Lawatan ke premis/tempat kerja**

Pada tahun 1998, sebanyak 11 lawatan untuk mengenal pasti hazard di institusi kesihatan dan 43 lawatan mengenal pasti hazard di industri pada tahun 1998 berbanding hanya 5 lawatan telah dijalankan di institusi kesihatan dan 9 di institusi industri pada tahun 1997 Hanya 7 buah institusi kesihatan dan 11 buah industri yang sempat dilawati dari bulan Januari hingga Jun 1999

#### **Aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan.**

Sebanyak 8 buah jawatankuasa keselamatan dan pekerjaan di peringkat kesihatan, 5 buah jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan 1 jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan pergigian telah diwujudkan pada tahun 1998. Berbanding dengan tahun 1997 hanya 8 jawatankuasa di peringkat kesihatan dan 5 jawatan kuasa peringkat hospital telah ditubuhkan pada tahun 1997. Pada tahun 1998

jumlah mesyuarat yang diadakan di peringkat kesihatan adalah 12, manakala di peringkat Hospital dan pergigian 14 kali. Sehingga akhir Jun 1999 jumlah jawatan kuasa adalah 13 dan jumlah mesyuarat yang diadakan oleh setiap PTJ adalah seperti dalam jadual di atas.

**Jadual 7: Jawatan kuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan,**

Pusat tanggung jawab	Bil			Kekerapan mesyuarat			Pusat tanggung jawab	Bil			Kekerapan mesyuarat		
	9 7	9 8	9 9	9 7	9 8	9 9		9 7	9 8	9 9	9 7	9 8	9 9
<b>Pejabat Kesihatan</b>						<b>Hospital</b>							
Pejabat Pengarah Kuala Terengganu Hulu Terengganu Besut Marang Setiu Dungun Kemaman	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	2 1 1 2 2 1 1 1 1 1 2	1 2 1 2 2 1 1 2 2 0 0	1 1 1 1 1 1 1 1 0 0 0	Kuala Terengganu Hulu Terengganu Kemaman Dungun Besut <b>Pergigian</b>	1 1 1 1 1 1 1 0 1 1 1	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1	3 2 2 5 2 1 1 0 1 1 0	1 0 1 1 1 1 1 0 1 1 0	
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>11</b>	<b>13</b>	<b>6</b>		<b>5</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>14</b>	<b>3</b>

### Klinik Kesihatan Pekerja

Setakat ini hanya terdapat dua buah Klinik Kesihatan Pekerja telah diwujudkan bagi menyokong unit ini, iaitu Klinik Kesihatan Pekerja di K.K Kijal dan Klinik Kesihatan Pekerja di Poliklinik Hiliran. Perjawatan Pegawai Kesihatan Pekerja telah diluluskan dalam permohonan dasar baru 1999.

### Perjawatan

Sehingga kini negeri Terengganu mempunyai tiga Perjawatan Kesihatan Pekerja tetapi hanya satu yang diisi. Satu perjawatan Jururawat Kesihatan pekerja telah dilulus di Pejabat Kesihatan Kemaman dan telah diisi pada 6hb Jun 1999. Sehingga kini Unit Kesihatan Pekerja dan Alam Sekitar di peringkat daerah dan pejabat pengarah telah di bantu oleh Inspektor Kesihatan Am.

**Jadual 8: Kedudukan perjawatan Unit Kesihatan Pekerja**

Perjawatan yang lulus	Tempat penempatan	Grade	Pengisian
Pegawai Kesihatan Pekerja	Unit Kesihatan Pekerja dan Kesihatan Alam Sekitar JKNTR	U3	Telah di isi pada 16 Jun 1997
Pegawai Kesihatan Pekerja	Pejabat Kesihatan Kemaman	U3	Masih kosong
Pegawai Kesihatan Pekerja	Pejabat Kesihatan Kuala Terengganu	U3	Masih kosong
Jururatan Kesihatan Pekerja	Pejabat Kesihatan Kemaman	U8	Telah diisi pada 9 Jun 1999

### **PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR DAN BANDAR/ PENEMPATAN SEJAHTERA**

#### **Kesihatan alam sekitar**

Dari jadual di bawah jumlah sekolah telah bertambah sebanyak 407 dalam tahun 1998 berbanding 393 buah dalam tahun 1997 dan 364 buah dalam tahun 1996. Sebanyak 373 buah sekolah telah diperiksa pada tahun 1998 berbanding 354 buah dalam tahun 1997 dan 263 buah dalam tahun 1996. Di negeri Terengganu keseluruhannya terdapat sebanyak 22 buah estet yang dikenali pasti perlu pemeriksaan rapi. Dalam tahun 1998 sebanyak 17 estet telah di periksa berbanding 21 buah estet telah di periksa pada tahun 1997 dan 22 buah estet di periksa pada tahun 1996. Isu pencemaran pula telah di dapati menurun dari 43 kes pada tahun 1996, 40 kes dalam tahun 1997 dan 10 kes tahun 1998. Sebanyak 49 kes keracunan Sulfur Dioksida telah dilaporkan dalam tahun 1997 dan kejadian tersebut telah berlaku di Teluk Kalong Kemaman. Dari bulan Januari hingga Jun 1999 sebanyak 166 sekolah dan 9 estet telah di periksa. Setakat ini tiada isu pencemaran alam sekitar telah dilaporkan.

<b>Aktiviti Kesihatan Sekolah, Estet dan Pencemaran Alam Sekitar (SEPAK)</b>	<b>1996</b>	<b>1997</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>
<b>Pengawasan kebersihan Sekolah</b>				
Jumlah sekolah	364	393	399	399
Jumlah Sekolah diperiksa	263	354	373	166
Peratus Sekolah diperiksa	72.52%	90.08%	91.65%	42.6%
<b>Pemeriksaan Sanitasi Perumahan Estet</b>				
Jumlah estet	22	22	22	22
Pemeriksaan Sanitasi yang dijalankan	22	21	17	9
Peratus	100%	95%	77.27%	40%

Pengurusan Pencemaran Alam Sekitar  
yang Menjejaskan Kesihatan Awam

Jumlah aduan diterima	43	40	10	0
Jumlah aduan disiasat	43	40	10	0
Peratus	100%	100%	100%	0

**Pengawasan Penyakit-penyakit  
Kesan Pencemaran Alam Sekitar**

Bilangan pesakit yang datang ke unit pesakit luar dan unit kecemasan akibat kesan pencemaran dilaporkan.	0	49*	Tiada kes	0
--	---	-----	-----------	---

**Program Bandar Sejahtera.**

Di antara projek yang sedang berjalan di negeri Terengganu adalah seperti berikut:

Program	Bandar/Penempatan	Tahun dimulakan
Bandar Sejahtera	Bandar Kuala Terengganu	1996
Pulau Sejahtera/ pelancungan sejahtera	Pulau Perhentian, Besut, Terengganu	1998
Hospital/Klinik Sejahtera	Hospital Kuala Terengganu Hospital Dungun Hospital Hulu Terengganu Hospital Besut Hospital Kemaman	1996
Bandar Industri Sejahtera	Bandar Kemaman	1998
Sekolah Sejahtera/ Sekolah Wawasan Sihat	Semua Sekolah di negeri Terengganu	1995

**MASALAH/KEKURANGAN ISU YANG DIHADAPI**

- i. Penggunaan alat keselamatan diri dikalangan anggota kesihatan sendiri.
  - Tiada peruntukan khusus diberikan untuk membeli alat-alat keselamatan diri untuk kegunaan pekerja terutama yang bekerja di dalam kawasan kerja berisiko tinggi
  - Kurangnya kesedaran di kalangan pekerja untuk menggunakan alat-alat keselamatan yang telah dibekalkan dan ini diburukkan dengan kurangnya penyeliaan di peringkat pegawai atasan untuk menyelia penggunaan alat-alat keselamatan tersebut.
- ii. Kesedaran untuk notifikasi kes-kes kesihatan pekerjaan (Occupational Health) di kalangan Pegawai Perubatan, Jururawat dan kakitangan kesihatan yang



lain masih kurang. Ini disebabkan kurangnya pengetahuan tentang kesihatan pekerjaan di kalangan kakitangan terbabit terutama dalam diagnosa kes-kes tersebut.

- iii. Buat masa sekarang, kakitangan yang mempunyai kepakaran di dalam bidang tersebut adalah amat kurang.
- iv. Klinik kesihatan pekerjaan masih belum berjalan dengan sebaiknya. Ini disebabkan oleh kekurangan kakitangan untuk mengendalikan klinik tersebut.
- v. Program Bandar Sejahtera dan Kesihatan Alam Sekitar dari Unit Kesihatan Alam Sekitar serta bebanan kerja pentadbiran telah membebani Pegawai Kesihatan pekerja yang ada, ini akan membantut proses perkembangan Unit Kesihatan Pekerja di mana kerja-kerja di lapangan seperti Klinik Kesihatan Pekerja dan lawatan ke tempat kerja terbengkalai kerana tidak cukup masa.

#### **PERANCANGAN DI MASA DEPAN**

- i. Peruntukan khusus untuk membeli keperluan alat-alat keselamatan dan lain-lain amat perlu diadakan di masa akan datang.
- ii. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang kesihatan pekerjaan kepada semua kakitangan termasuk pegawai atasan melalui latihan dan kursus-kursus.
- iii. Meningkatkan bilangan anggota yang mempunyai kepakaran tentang kesihatan pekerjaan.
- iv. Unit Kesihatan Alam Sekitar dan Bandar Sejahtera perlu berdiri sendiri seperti di ibu pejabat (HQ) dengan mempunyai kakitangan sokongannya sendiri supaya kedua-dua unit ini boleh berkembang dengan jayanya. Dengan itu Pegawai kesihatan pekerja dapat menjalankan tugas mengikut kepakaran yang ada.
- v. Perjawatan yang kosong perlu diisi dengan seberapa segera supaya aktiviti-aktiviti kesihatan pekerja dapat di jalankan dengan sepenuhnya.